

**SOALAN NO: 521**

menggunakan Internet secara positif. Oleh itu, pengguna perlu membuat pilihan bijak, kerana tidak semua kandungan yang boleh didapati di Internet selari dengan pandangan dan budaya tempatan. Maka, pihak SKMM melalui kempen 'Klik Dengan Bijak' telah mengambil inisiatif mendidik pengguna-pengguna Internet mengenai penggunaan Internet secara positif serta mengamalkan pengawalseliaan sendiri.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YB TUAN MANIVANAN A/L  
GOWINDASAMY [ KAPAR ]**

**SOALAN** : **522**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- a) pencapaian dan kejayaan pelancaran Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 (MCY2014) setakat ini dalam mempromosikan dan mengkomersilkan produk-produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang sains, teknologi dan inovasi; dan
- b) jumlah dana yang ditawarkan kepada syarikat industri kecil dan sederhana untuk menjalankan projek yang meliputi sektor teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi, industri, teras sains dan teknologi, dan bilangan projek yang diluluskan untuk setiap kategori dengan nilai pembiayaan untuk projek tersebut.

## JAWAPAN :

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 atau MOSTI *Commercialisation Year 2014* (MCY2014) telah dilancarkan pada 23 Januari 2014. MOSTI melancarkan tahun 2014 sebagai MCY2014 adalah bertujuan menyegerakan pengkomersilan teknologi dan produk yang dihasilkan melalui peruntukan dana MOSTI bagi RMKe-9 dan RMKe-10. Objektif MCY2014 adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan satu platform pengkomersilan teknologi komprehensif (*technology commercialisation platform*) dari aspek pembangunan produk untuk menepati *standard*, *clinical* dan *market testing* serta menambah baik produk bagi tujuan pembungkusan, pelabelan, penjenamaan dan *product redesign*;
- b. Mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan usahawan tekno melalui akademik, teknologi, teknikal, generik dan keusahawanan; dan
- c. Menyasarkan sekurang-kurangnya enam puluh (60) produk *research and development* (R&D) untuk dikomersilkan dari pelbagai sektor pada tahun 2014.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebanyak **58 produk** dari 60 produk yang disasarkan setiap tahun bermula pada tahun 2014 telah berjaya dikomersialkan di bawah platform MCY2014. MOSTI yakin akan berjaya merealisasikan pencapaian 100% sasaran MCY2014 pada akhir tahun ini.

Di samping itu, MOSTI juga telah menubuhkan dua (2) galeri produk iaitu **Galeri Produk R&D di Technology Park Malaysia (TPM)** dan **Pusat Kraftangan (Innokraf) di bangunan SIRIM Melaka**. Penubuhan galeri produk ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat setempat mengenai hasil-hasil keluaran projek di bawah biayaan MOSTI. Galeri produk ini juga dibuat secara maya (*virtual*) untuk membantu memperkembangkan promosi produk secara atas talian (*online*).

*Incubator Visualisation Module (IVM)* di Teknologi Park Malaysia (TPM) juga merupakan pusat bagi memperkasakan teknopreneur melalui program-program inkubator. Ini merupakan salah satu kemudahan akses kepada Infrastruktur.

Melalui platform MCY2014 juga, MOSTI telah berjaya menerbitkan **Direktori Produk dan Perkhidmatan Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (R,D&C) Edisi Khas** yang dilancarkan oleh YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) semasa Persidangan dan Pameran Pengkomersilan MOSTI (MCCE 2014) di Pusat Konvensyen Shah Alam pada 13 Ogos 2014. Sebahagian maklumat produk dan perkhidmatan yang telah dikomersilkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) di bawah pembiayaan MOSTI telah dibukukan dalam Direktori Edisi Khas ini yang mengandungi senarai **108 buah organisasi** yang telah berjaya mengkomersilkan produk dan perkhidmatan mereka melalui pembiayaan dana dan geran di bawah MOSTI.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berhubung soalan YB berkaitan jumlah dana yang ditawarkan kepada syarikat industri kecil dan sederhana. Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif dalam bentuk geran dan kemudahan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah Dana TechnoFund dan Dana InnoFund semasa Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) bagi mengisi jurang di antara peringkat penyelidikan asas dan pengkomersilan. Pada Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) kedua-dua dana ini telah digabungkan untuk menjadi Dana Pra Pengkomersilan.

Dana InnoFund melalui skim Dana Enterprise InnoFund (EIF) ditawarkan khusus kepada usahawan mikro dan usahawan kecil dan sederhana dengan jumlah pembiayaan sehingga RM500,000.00 yang membiayai pembangunan atau penambahbaikan produk-produk baru atau sedia ada, proses atau perkhidmatan dengan unsur-unsur inovasi. Manakala Dana TechnoFund ditawarkan untuk projek di dalam peringkat pra-pengkomersilan bagi penyelidikan ke arah pembuktian konsep yang kukuh dengan jumlah pembiayaan sehingga RM 3 juta.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, sehingga Oktober 2014, sebanyak 59 projek berjumlah RM104,694.241.33 telah diluluskan di bawah Dana TechnoFund kepada syarikat industri kecil dan sederhana. Bagi Dana InnoFund pula, sebanyak 26 projek berjumlah RM7,791,562.00 telah diluluskan meliputi sektor teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi, industri, teras sains dan teknologi. Pecahan bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Jenis Dana	Enterprise InnoFund		TechnoFund	
	Kategori	Jumlah Projek	Nilai pembiayaan (RM)	Jumlah Projek
ICT	8	2,137,997.00	10	12,739,503.00
Bioteknologi	4	914,660.00	11	20,254,850.00
Industri	14	4,738,905.00	32	58,998,888.33
Teras Sains & Teknologi	-	-	6	12,701,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>7,791,562.00</b>	<b>59</b>	<b>104,694,241.33</b>

Sekian, terima kasih